

10 NOV 2000

APEC-MAHATHIR

DR MAHATHIR KETUAI DIALOG PEMIMPIN APEC DENGAN ABAC

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai pemimpin-pemimpin APEC dalam dialog mereka dengan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) ketika Sidang Kemuncak Pemimpin di Brunei, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dialog di antara pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan pegawai ABAC dijangka akan diadakan pada 15 Nov di Bandar Seri Begawan. Ia merupakan hubungan penting di antara para pemimpin dengan sektor swasta dalam usaha untuk meningkatkan kerjasama ekonomi serantau.

Rafidah berkata ABAC adalah penting kerana syor-syor yang dibuat oleh Majlis itu akan dibawa terus kepada para pemimpin.

"Mereka adalah orang yang berada di pasaran," katanya kepada sidang media mengenai mesyuarat APEC di Brunei yang bermula hari ini dengan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM).

Beliau berkata tidak seperti sebahagian negara-negara besar yang seolah-olah mahukan ekonomi-ekonomi APEC mengurangkan tarif, ABAC tidak bercakap mengenai pengurangan tarif setiap masa.

Sebaliknya, ia membincangkan berbagai isu dari halangan bukan tarif kepada langkah-langkah bukan tarif, kemudahan perdagangan serta cara-cara untuk meningkatkan hubungan perniagaan, katanya.

Sementara itu, pandangan Malaysia mengenai keperluan untuk meningkatkan ketelusan dalam sistem kewangan dunia telah diterima dan dimasukkan dalam laporan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) untuk diserahkan kepada mesyuarat pemimpin APEC.

ABAC, khususnya, menggalakkan usaha-usaha lanjutan di peringkat antarabangsa untuk meningkatkan ketelusan institusi-institusi yang menanggung bebas hutang yang banyak (HLI), demikian menurut anggota ABAC Malaysia dalam satu kenyataan mengenai kandungan Laporan Majlis itu kepada mesyuarat di Brunei.

ABAC menyambut baik Laporan Forum Kestabilan Kewangan mengenai HLI yang mencadangkan peraturan tidak langsung dikenakan ke atas dana-dana lindung nilai dan HLI lain menerusi pengawal seliaan amalan-amalan pinjaman bank, kata mereka.

ABAC telah menggubal cadangan-cadangan untuk mengukuhkan sistem kewangan dan menyediakan persekitaran yang lebih stabil bagi pembangunan rantau ini dan dalam hal ini, ABAC telah menerima pandangan Malaysia.

Sementara itu, Rafidah juga berkata Malaysia akan terus menyeru ke arah perubahan Kerangka Kewangan Antarabangsa.

Wakil Malaysia di ABAC, suara rasmi sektor swasta APEC, adalah Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli, Pengarah Urusan YTL Corporation Bhd Tan Sri Francis Teoh dan Pengerusi Kumpulan Arab-Malaysian Banking Tan Sri Azman Hashim.

-- BERNAMA

MR SD JR MA